

Headline	TNB duduki tangga ke 24 50 jenama utiliti antarabangsa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Bisnes	Page No	46
ArticleSize	67 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,620		



**Kuala Lumpur**

## **TNB duduki tangga ke-24 50 jenama utiliti antarabangsa**

Tenaga Nasional Bhd (TNB) meningkat 15 anak tangga kepada kedudukan ke-24 dalam 50 jenama utiliti terkemuka -Brand Finance Global 2017 atau Utilities 50 (2017).

TNB dalam kenyataan berkata, ia lonjakan 33 peratus dari segi nilai jenama pembedaan utiliti nasional itu atau AS\$1.58 bilion (RM7 bilion) berbanding RM5.26 bilion pada 2016.

Brand Finance yang beribu pejabat di London, dalam laporan tahunan terbarunya mengenai jenama utiliti paling bernilai tinggi di dunia menyebut TNB sebagai jenama paling pesat berkembang dalam senarai Utilities 50.

Peningkatan kedudukan TNB dicapai walaupun lebih separuh daripada jenama dalam senarai tahun ini susut nilai, termasuk tiga terbaik - Engie (Perancis), EDF (Perancis) dan Enel (Itali).

Brand Finance menyatakan bahawa program transformasi TNB, penjenamaan semula dan bergerak untuk menjamin kapasiti penjanaan antarabangsa serta pengambilalihan 30 peratus kepentingan dalam GMR Energy Ltd di India.